



GARIS PANDUAN PERANCANGAN

PEMBANGUNAN CAFÉ TERBUKA



SEMANJUNG
MALAYSIA

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMANJUNG MALAYSIA**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia



GARIS PANDUAN PERANCANGAN

PEMBANGUNAN CAFE TERBUKA



SEMENANJUNG
MALAYSIA

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 2002
Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, sama ada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-76-5

KDN : BP/301/22 Jld.19 SEM/2

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Tel : 603-26989211
Faks : 603-26931128
E-Mail : mukhtarman@townplan.gov.my

Harga : RM35.00

Jun 2002

KATA ALUAN

Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia



Pembangunan Café Terbuka (*Outside Café*) berkait rapat dengan gaya hidup masyarakat bandar yang memerlukan tempat atau ruang yang tidak formal untuk berinteraksi, berehat dan bersosial. Café Terbuka yang dilengkapi dengan kemudahan sokongan dan landskap yang menarik mampu menyerlahkan identiti sesuatu bandar dan menarik perhatian lebih ramai pengunjung.

Masalah yang sering dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam perancangan Café Terbuka antara lain ialah konflik ruang sempadan, kekurangan tempat letak kereta serta konflik laluan pejalan kaki di mana ruang untuk café terbuka akan mengurangkan ruang bagi pejalan kaki.

Dalam memastikan perancangannya mempunyai ciri-ciri terbaik dan menghormati undang-undang sedia ada serta bersesuaian dengan keadaan persekitaran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia mengambil langkah menyediakan satu garis panduan dan piawaian perancangan Café Terbuka yang sesuai dan berkesan serta selaras dengan perkembangan semasa. Usaha ini juga adalah untuk memenuhi kehendak dan citarasa masyarakat bandar untuk berekreasi, yang terhasil daripada trend gaya hidup kebelakangan ini. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa, dengan mempertingkatkan perubahan dalam pelbagai faktor yang mengambilkira masalah serta keperluan masyarakat bandar berasaskan kepada Prinsip-prinsip Perancangan dan Pembangunan Sejagat.

Garis Panduan dan Piawaian Perancangan yang dihasilkan ini adalah untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun serta Pihak Swasta di dalam merancang dan menyediakan Café Terbuka yang sesuai di dalam pembangunan tempat masing-masing.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas kerjasama dan sokongan untuk menghasilkan Garis Panduan ini.

DATO' WAN MOHAMAD MUKHTAR B. MOHD. NOOR
(D.P.C.M., D.P.M.T., D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., A.M.N.)

<i>Kata Aluan</i>	
<i>Senarai Isi Kandungan</i>	<i>i</i>
<i>Senarai Carta</i>	<i>iii</i>
<i>Senarai Rajah</i>	<i>iii</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>v</i>
1.0 TUJUAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 LATAR BELAKANG	2
3.1 Pembangunan Café Terbuka	2
3.2 Definisi	3
3.3 Isu dan Masalah	4
3.4 Amalan Perancangan Terbaik	5
3.4.1 Kajian Kes Dalam Negara	5
3.4.2 Kajian Kes Luar Negara	8
4.0 DASAR PELAKSANAAN	12
5.0 PRINSIP PERANCANGAN	15
6.0 GARIS PANDUAN UMUM	18
6.1 Fungsi Café Terbuka	18
6.2 Pemilihan Lokasi Café Terbuka	19
6.3 Jenis-jenis Café	21
6.3.1 Café Sudut (<i>Comer Café</i>)	21
6.3.2 Café Nodal atau ' <i>Pocket Park Café</i> '	23
6.3.3 Café Persisiran Air (<i>Water Edge Café</i>)	26
6.3.4 Café Lorong Belakang (<i>Backlane Café</i>)	28
6.3.5 Café Lorong (<i>Lane Café</i>)	30
6.3.6 Café Atas Bumbung (<i>Rooftop Café</i>)	32
6.3.7 Café Berteres (<i>Terraced Café</i>)	34
6.3.8 Café Dataran (<i>Promenade Café</i>)	36
6.3.9 Café ' <i>Bistro</i> '	39
6.3.10 Café Koridor (<i>Corridor Café</i>)	40
6.3.11 Café Taman (<i>Garden Café</i>)	43
6.3.12 Café ' <i>Food Court</i> '	45

6.4	Perancangan Tapak	47
6.4.1	Lokasi Yang Strategik	47
6.4.2	Laluan Masuk	47
6.4.3	Elemen Semulajadi	47
6.4.4	Keluasan Tapak	48
6.4.5	Orientasi Matahari	48
6.5	Susun Atur Tapak	48
6.6	Garis Panduan Reka Bentuk	49
6.7	Garis Panduan Landskap	50
6.8	Garis Panduan Infrastruktur	54
7.0	GARIS PANDUAN KHUSUS	57
8.0	PIAWAIAN	75
8.1	Piawai Perancangan Café Terbuka	75
8.2	Keperluan Tempat Letak Kenderaan Di Kawasan Pembangunan Utama Dan Tambahan Untuk Ruang Café Terbuka	78
8.3	Perletakan Ruang Café Terbuka di Kondor Jalan Dengan Rizab 20 Meter	79
8.3.1	Café Kondor	79
8.3.2	Café Lorong	81
8.3.3	Café Bistro	82
8.3.4	Café Sudut	83
8.3.5	Café 'Food Court'	83
8.3.6	Café Nodal	84
8.3.7	Café Dataran 'Promenade Café'	84
8.3.8	Café Persisiran	85
8.3.9	Café Atas Bumbung	85
8.3.10	Café Balkoni	86
9.0	PENGURUSAN DAN PERLAKSANAAN	87
9.1	Rancangan Struktur Negeri (RSN)	87
9.2	Rancangan Tempatan Daerah (RTD)	88
9.3	Pelan Induk	88
9.4	Pemajuan	88
9.5	Penyelenggaraan	90

LAMPIRAN

SENARAI SEMAKAN

PASUKAN KAJIAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN CAFÉ TERBUKA

Senarai Carta

Carta Alir 9.1	Metadologi Pembentukan Pelan Susun Atur	89
----------------	---	----

Senarai Rajah

Rajah 3.1	Pelan Kawasan Café	8
Rajah 3.2	Pelan Lokasi ' <i>Berkeley BART Plaza</i> '	9
Rajah 3.3	Pelan Lokasi ' <i>TransAmerica Redwood Park</i> '	10
Rajah 6.1	Binaan Café Terbuka Di Atas Jaringan Laluan Pejalan Kaki Yang Menghubungkan Antara Tempat-Tempat Tumpuan (<i>Nodes</i>)	19
Rajah 6.2	Pelan Lokasi Kuala Lumpur – Potensi Tapak Bagi Café Terbuka di Sekitar Kuala Lumpur Pada Jaringan Laluan Pejalan Kaki yang Popular	20
Rajah 6.3	Lokasi Café Sudut	21
Rajah 6.4	Pelan Kedudukan Café Sudut	22
Rajah 6.5	Keratan Rentas Café Sudut	23
Rajah 6.6	Isometrik Café Sudut	23
Rajah 6.7	Pelan Kedudukan Café Nodal	25
Rajah 6.8	Keratan Rentas Café Nodal	25
Rajah 6.9	Keratan Rentas Café Persisiran Air	27
Rajah 6.10	Pelan Kedudukan Café Persisiran Air	27
Rajah 6.11	Keratan Rentas Café Lorong Belakang	28
Rajah 6.12	Pelan Kedudukan Café Lorong Belakang	29
Rajah 6.13	Keratan Rentas Café Lorong	31
Rajah 6.14	Pelan Kedudukan Café Lorong	31
Rajah 6.15	Keratan Bagi Café Atas Bumbung	32
Rajah 6.16	Elemen Air Dan Pokok-Pokok Memberi Suasana Sejuk di Atas Bumbung	33
Rajah 6.17	Pelan Kedudukan Café Berteres	35

Senarai Rajah

Rajah 6.18 :	Keratan Rentas Café Berteres	35
Rajah 6.19 :	Pelan Kedudukan Café Dataran	37
Rajah 6.20 :	Keratan Rentas Café Dataran	38
Rajah 6.21 :	Rizab Sungai Semulajadi Tidak Sesuai Untuk Pembinaan Café Dataran	38
Rajah 6.22 :	Binaan ' <i>Free Standing</i> ' Café Bistro	39
Rajah 6.23 :	Pelan Kedudukan Café Bistro	40
Rajah 6.24 :	Keratan Rentas Café Bistro	40
Rajah 6.25 :	Pelan Kedudukan Café Koridor	42
Rajah 6.26 :	Pelan Kedudukan Café Taman	44
Rajah 6.27 :	Keratan Rentas Café Taman	44
Rajah 6.28 :	Pelan Kedudukan ' <i>Food Court Café</i> '	46
Rajah 6.29 :	Reka Bentuk Ruang Bagi Café Lorong	50
Rajah 6.30 :	Reka Bentuk Ruang Bagi Café Sudut	50
Rajah 6.31 :	Reka Bentuk Ruang Bagi Café Lorong Belakang	50
Rajah 8.1 :	Kedudukan Café Terbuka Jenis Koridor	79
Rajah 8.2 :	Café Koridor Pada Rizab Jalan 20.0 meter – Jalan Sehalu	79
Rajah 8.3 :	Pelan Café Terbuka Di Koridor Bangunan Di Rizab Jalan 20.0 meter (65.6 kaki) – Jalan Sehalu	80
Rajah 8.4 :	Kedudukan Café Terbuka Di Koridor Bangunan di Rizab Jalan 30 meter (98.43 kaki)	80
Rajah 8.5 :	Perletakan Café Koridor Di Bahu Rizab Jalan 30.0 meter – Jalan Dua Hala	81
Rajah 8.6 :	Perletakan Café Lorong Di Atas Jalan yang Dijadikan ' <i>Pedestrian Street</i> '	81
Rajah 8.7 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Lorong Di Antara Blok Perdagangan	82
Rajah 8.8 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Bistro Di Atas Laluan Pejalan Kaki	82
Rajah 8.9 :	Susun Atur Café Terbuka Jenis Sudut di Sudut Bangunan Rumah Kedai	83
Rajah 8.10 :	Kedudukan Café ' <i>Food Court</i> ' Pada Koridor Bangunan Komersial	83
Rajah 8.11 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Lorong di Antara Blok Perdagangan	84

Senarai Rajah

Rajah 8.12 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Lorong Di Antara Blok Perdagangan	84
Rajah 8.13 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Lorong Di Antara Blok Perdagangan	85
Rajah 8.14 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Lorong Di Antara Blok Perdagangan	85
Rajah 8.15 :	Perletakan Café Terbuka Jenis Lorong Di Antara Blok Perdagangan	86
Rajah 9.1 :	Penggunaan Ruang Koridor Kedai Sebagai Sebahagian Ruang Café Terbuka	90
Rajah 9.2 :	Kedudukan Café Terbuka Di Dalam Sebahagian Ruang Pejalan Kaki	91
Rajah 9.3 :	Kedudukan Café Terbuka Di Dalam Rizab Jalan	91

Senarai Jadual

Jadual 6.1 :	Keperluan Rizab Pejalan Kaki Mengikut Kelebaran Sungai	38
Jadual 7.1 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Sudut	57
Jadual 7.2 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Nodal	59
Jadual 7.3 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Lorong Belakang dan Café Lorong	61
Jadual 7.5 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Koridor	66
Jadual 7.6 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Atas Bumbung	67
Jadual 7.7 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Berteres	69
Jadual 7.8 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Persisiran Sungai	70
Jadual 7.9 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café 'Bistro'	71
Jadual 7.10 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café Tamari	72
Jadual 7.11 :	Reka Bentuk dan Susun Atur Café 'Food Court'	73

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN CAFÉ TERBUKA

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan, badan-badan berkanun dan pemaju perumahan di dalam merancang dan mengawal pembangunan Café Terbuka di peringkat penyediaan Rancangan Tempatan, Laporan Cadangan Pemaajuan (LCP) dan Permohonan Kebenaran Merancang.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan Perancangan Café Terbuka seperti berikut :-

- i. Mewujudkan suasana kehidupan masyarakat bandar terkini dalam senario pembangunan bandar sihat, bandar dalam taman dan menepati visi pembangunan negara maju menjelang tahun 2020;
- ii. Memastikan café terbuka sebagai komponen pelengkap perkhidmatan masyarakat bandar terkini serta mempunyai suasana persekitaran yang bersih dengan landskap yang sempurna dan menarik;
- iii. Memastikan pembangunan café terbuka memenuhi keperluan-keperluan berikut :
 - a. Sebahagian Cara Hidup Masyarakat Bandar Terkini.
Tempat sosial masyarakat bandar yang lebih bersesuaian dan terkini yang meliputi gaya hidup mereka secara menyeluruh dan dilakukan secara tidak formal.
 - b. Menggalakkan Penggunaan Masa Lapang yang Lebih Fleksibel.
Masyarakat bandar yang sibuk memerlukan perkhidmatan café terbuka kerana had masa lapang yang terhad dan cara kerja masyarakat bandar yang tidak menentu.
 - c. Pengawasan Kejiranan (*Social Policing*).
Penggunaan ruang terbuka membolehkan masyarakat bandar mengawasi atau memerhati setiap kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Ia juga mewujudkan keprihatinan di kalangan masyarakat.
 - d. Kepercayaan Masyarakat (*Trust of Society*).
Ruang cafe yang terbuka dapat melihatkan kegiatan di dalam cafe. Memberi lebih banyak kepercayaan kepada masyarakat terutama golongan ibu bapa

untuk membenarkan anak-anak berinteraksi sosial dan melakukan aktiviti-aktiviti tertentu sesama mereka. Keadaan ini dapat menjamin keselamatan mereka dan imej negara.

e. Identiti Sesuatu Kawasan.

Selaras dengan arus globalisasi untuk mewujudkan suatu kawasan yang mempunyai imej dan identiti tersendiri serta mampu dikenali oleh semua orang.

f. Mengurangkan Tekanan Masyarakat Bandar.

Sebagai tempat mengurangkan tekanan atau bebanan fikiran dengan melakukan aktiviti tertentu bersama-sama.

g. Menunjukkan Tahap Sosial Masyarakat Bandar.

Aktiviti harian atau gaya hidup masyarakat bandar menunjukkan kelas sosial dan taraf hidup seseorang.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Pembangunan Café Terbuka

Pembangunan café terbuka berkait rapat dengan gaya hidup masyarakat bandar yang menggunakan masa secara tidak terhad. Kehidupan masyarakat bandar yang lebih kepada aktiviti-aktiviti sosial tidak formal, menyebabkan mereka memerlukan satu ruang sebagai tempat pertemuan untuk menjalankan aktiviti tertentu dan berinteraksi sesama sendiri. Faktor utama yang menggalakkan lebih ramai pengunjung memilih café terbuka ialah lokasinya yang tidak terlindung atau tidak jauh dari pandangan masyarakat. Kedudukan seumpama ini akan lebih menjamin keselamatan pengunjung dan juga pengguna café terbuka.

Selain itu, Café Terbuka merupakan salah satu tempat atau ruang tumpuan utama penduduk yang mengunjungi pusat bandar untuk berinteraksi dan juga sebagai sebuah hentian untuk berehat, berbual-bual, makan dan minum secara relaks, di samping melepaskan penat lelah atau tekanan fikiran. Kehidupan masyarakat bandar yang aktif sehingga malam menyebabkan sesetengah café terbuka beroperasi sehingga dinihari.

Terdapat banyak jenis café terbuka yang direka bentuk dengan menarik dan teliti untuk menarik perhatian lebih ramai pengunjung atau pelanggan. Café-café ini mempunyai imej dan identiti tersendiri yang cuba ditonjolkan selaras dengan tema jualan di café tersebut. Café terbuka yang dilengkapi dengan kemudahan sokongan dan landskap yang menarik mampu menyerlahkan identiti sesuatu kawasan. Café terbuka biasanya dibina di ruang laluan pejalan kaki yang terletak di pusat-pusat

tumpuan ramai seperti pusat membeli belah, kompleks perniagaan, kawasan pejabat dan perkedaian. Keadaan ini menarik ramai pengunjung yang melalui kawasan tersebut sama ada untuk mendapatkan makanan, minuman, temujanji dan berehat. Selain itu, penyediaan ruang pejalan kaki yang berkesinambungan dan dapat menghubungkan dengan semua kawasan adalah sangat penting untuk mewujudkan kemeriahan kawasan.

3.2. Definisi

Café terbuka bermaksud "restoran atau bar kecil yang mengambil sebahagian ruang pejalan kaki, balkoni bangunan, sebahagian rizab jalan, tapak awam atau kawasan terbuka persendirian untuk tujuan tempat berehat dan menyediakan kemudahan makanan yang lazimnya adalah makanan dan minuman ringan" (*light refreshment*).

Café terbuka mempunyai 3 ruang utama iaitu ruang penyediaan makanan, ruang perkhidmatan, dan ruang makan di mana kerusi meja disusun dengan jarak yang memudahkan laluan para pelanggan.

Ciri umum café terbuka :-

- i. Café yang diunjurkan keluar dari bangunan asal (*extension from existing building*);
- ii. Café dalam bangunan; dan
- iii. Café binaan sendiri.


<p>1. Café yang diunjurkan keluar dari bangunan asal.</p> <p>Contohnya:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Café lorong b. Café lorong belakang c. Café berteres d. Café sudut 	
<p>2. Dalam bangunan sama ada diunjurkan ke koridor atau ruang legar bangunan.</p> <p>Contohnya:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Café atas bumbung dan balkoni b. Café koridor c. Café sudut d. 'Café bistro' 	

3. Café yang dibina secara sendirian tanpa disokong oleh bangunan lain (*free standing*).


Contohnya:-

- a. Café Nodal
- b. Café pesisiran air
- c. Café taman
- d. Café persisiran sungai
- e. 'Café bistro'
- f. 'Café food court'

Contoh 1



Contoh 2



3.3 Isu

Ruang-ruang yang selama ini tidak dirancang untuk binaan café terbuka telah menimbulkan pelbagai masalah, antaranya:-

i. Konflik Pejalan Kaki

- a. Pengambilan ruang kaki lima mengurangkan ruang bagi pejalan kaki.
- b. Pejalan kaki terpaksa menggunakan ruang jalan raya.



Gambar 3.1 : Café Lorong Yang Terletak Di Sebelah Jalan Raya-Kurang 'Privacy' Kepada Pelanggan.

ii. Masalah Tempat Letak Kereta

- a. Tempat letak kereta secara 'ad hoc' mewujudkan pelbagai masalah letak kereta di masa akan datang.
- b. Kesesakan lalu lintas akibat dari perletakan kereta di tepi jalan yang menjadikan jalan raya lebih kecil.
- c. Tiada perancangan tempat letak kereta menyebabkan ruang tempat letak kereta yang disediakan tidak mencukupi.

iii. Konflik Ruang Sempadan

- a. Pembinaan café terbuka di luar bangunan hak milik kerajaan, hendaklah merujuk kepada keluasan sempadan bangunan, supaya tidak berlaku sebarang konflik sempadan yang menyalahi perundangan.

3.4 Amalan Perancangan Terbaik

3.4.1 Kajian Kes Dalam Negara

i. 'Starbucks Café'

Sebuah café yang terletak di Bukit Bintang. Merupakan café yang berkonsep moden. Café yang terletak di sepanjang 'pedestrian' ini dikenali sebagai *lane café*. Ianya cukup menarik dan mempunyai ciri-ciri tersendiri.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
<p>Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di kawasan pusat perniagaan yang cukup terkenal di tengah Bandaraya Kuala Lumpur. • Dibina di tempat terbuka dan bersebelahan jalan utama. • Kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai pada setiap masa. • Café ini menjual minuman dan makanan ringan. <p>Masalah Perancangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ruang pejalan kaki yang agak sempit mengakibatkan keadaan terlalu sesak. • Pelanggan kurang 'privacy' dengan bunyi bising yang berhampiran. • Tidak ada tempat letak kereta yang disediakan dengan adanya pembinaan 'side walk' café ini.  <p><i>Gambar 3.2 : Kesan Pembinaan Café Ini Menjadikan Ruang Pejalan Kaki Agak Sempit.</i></p> <p>Penyelenggaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kualiti makanan dan minuman adalah terjamin kebersihannya. • Pemilik menyediakan tong-tong sampah di dalam kawasan premis untuk kegunaan pelanggan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dibina daripada struktur kekal. • Bersifat statik setempat. • Menggunakan reka bentuk bumbung <i>membran fabrik</i> yang lebih selesa. • Kerusi dan meja disusun berhampiran kaunter/ bar. • Pemilihan kerusi meja adalah berbentuk moden. • Reka bentuk café lebih moden dan menggunakan konsep tertentu yang sesuai dengan barangan yang dijual.  <p><i>Gambar 3.3 : Reka Bentuk 'Starbucks Café' Sesuai Dengan Fungsinya.</i></p> <p>Peralatan Niaga</p> <ul style="list-style-type: none"> • Disediakan sendiri oleh pemilik café seperti bangku, meja dan payung.  <p><i>Gambar 3.4 : Penyelenggaraan Kebersihan di Sekitar Café Sangat Baik.</i></p>

ii. **'Garden Café' (Café Taman)**


Garden café ini berhadapan dengan hotel Sunway yang terletak di Bandar Sunway.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
<p>Bandar Sunway, Petaling Jaya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di kawasan perniagaan dan perdagangan. • Dibina di kawasan terbuka yang tidak sesak. • Pelanggan lebih 'privacy' untuk menikmati makanan. • Menjual pelbagai barangan makanan ringan dan minuman. <div data-bbox="529 707 971 1039" style="text-align: center;"> </div> <p style="text-align: center;"><i>Gambar 3.5 : Suasana di Garden Café</i></p> <p>Penyelenggaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kualiti makanan dan minuman adalah terjamin kebersihannya. • Kebersihan sekitar café diuruskan oleh pemilik sendiri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menampilkan ciri-ciri zaman Roman iaitu banyak tiang-tiang besar. • Gabungan elemen air dan pokok-pokok imej tropika. • Payung tidak digunakan di café taman ini bagi mengekalkan keadaan semulajadi. • Menimbulkan suasana romantik dengan gabungan elemen landskap yang semulajadi. • Ruang terbuka adalah maksimum. <p>Peralatan Niaga</p> <ul style="list-style-type: none"> • Disediakan sendiri oleh pemilik café seperti bangku dan meja.

iii. **'Dome'**

Café yang agak terkenal di Subang Jaya dan kawasan sekitarnya. Terletak di Subang Parade iaitu di bahagian koridor bangunan tersebut.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
<p>Subang Parade, Subang Jaya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di kawasan pusat perniagaan. • Dibina di salah satu pintu masuk kompleks membeli belah. • Menjadi tumpuan orang ramai berehat untuk mendapatkan makanan dan minuman. • Menjual makanan ringan dan minuman. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan sokongan iaitu payung yang menarik memberi keselesaan kepada pelanggan. • Penggunaan kerusi meja berbentuk moden menambah identiti café ini. • Kualiti landskap perlu ditingkatkan bagi mengimbangi suasana yang agak kaku di sekeliling bangunan.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
	 <p data-bbox="535 555 950 616">Gambar 3.6 : Café Dome Sentiasa Menjadi Tumpuan Ramai.</p> <p data-bbox="487 660 706 694">Penyelenggaraan</p> <ul data-bbox="487 705 982 884" style="list-style-type: none"> • Kualiti makanan dan minuman adalah terjamin kebersihannya. • Kebersihan sekitar café diuruskan oleh pemilik sendiri 	<ul data-bbox="1006 235 1494 313" style="list-style-type: none"> • Konsep reka bentuk yang sesuai dengan fungsinya. <p data-bbox="1006 414 1209 448">Peralatan Niaga</p> <ul data-bbox="1006 459 1494 548" style="list-style-type: none"> • Disediakan sendiri oleh pemilik café seperti bangku, meja dan payung.

iv. **'Coffee Bean'**

'Corridor café' ini terletak di sebuah kompleks perniagaan di Jalan Bintang. Kedudukan di bahagian ruang koridor pejalan kaki ini disusun kerusi meja yang masih memberi laluan kepada orang awam untuk kemudahan lalu lalang.



Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
<p data-bbox="251 1317 462 1406">Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur</p>	<ul data-bbox="487 1332 982 1736" style="list-style-type: none"> • Terletak di kawasan pusat perniagaan yang cukup terkenal di tengah Bandaraya Kuala Lumpur. • Dibina di dalam bangunan kompleks membeli belah. • Kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai pada setiap masa. • Café ini menjual minuman dan makanan ringan. • Tidak mengganggu laluan pejalan kaki awam. <p data-bbox="487 1792 763 1825">Masalah Perancangan</p> <ul data-bbox="487 1836 982 1904" style="list-style-type: none"> • Ruang yang sempit menghadkan penambahan elemen landskap. 	<ul data-bbox="1006 1332 1494 1500" style="list-style-type: none"> • Menggunakan kerusi meja yang selaras dengan konsep dan identiti café ini. • Tidak memerlukan kemudahan sokongan seperti payung.  <p data-bbox="1063 1859 1461 1915">Gambar 3.7 : Suasana Coffee Bean Yang Menjadi Tumpuan Warga Kota.</p>

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
	<p>Penyelenggaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kualiti makanan dan minuman adalah terjamin kebersihannya. • Kebersihan sekitar café diuruskan oleh pemilik sendiri. 	<p>Peralatan Niaga</p> <ul style="list-style-type: none"> • Disediakan sendiri oleh pemilik café seperti bangku dan meja.

3.4.2 Kajian Kes Luar Negara


i. 'Justin Herman Plaza'

Justin Herman Plaza dibina pada awal tahun 1970-an di San Francisco.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
Market Street, San Francisco.	<ul style="list-style-type: none"> • Terletak di penghujung Market Street dan berdekatan dengan pusat aktiviti kewangan serta bersempadan dengan bangunan pejabat, perdagangan, perniagaan, hotel, kompleks perumahan, bangunan bersejarah, terminal feri dan sistem pengangkutan awam. • Laluan pejalan kaki yang dibina dapat menghubungkan dengan semua kawasan bersebelahan. • Kawasan ini mudah dihubungi dari semua kawasan berdekatan. • Pengguna utama pada waktu rehat adalah pekerja kolar putih yang kebanyakannya dari golongan dewasa yang datang dari bangunan pejabat dan kewangan untuk mendapatkan makanan, minuman sambil berehat. • Golongan kanak-kanak dan remaja banyak terdapat pada waktu petang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Plaza ini diturap sepenuhnya dan dilengkapi dengan tempat duduk, meja makan, air pancut, dataran, ruang banner, pokok teduhan, lampu dan café. • Kawasan ini mempunyai banyak ruang untuk aktiviti tidak formal.  <p>Gambar 3.8 : Suasana Di Dalam Café.</p> <p>Rajah 3.1 : Pejan Kawasan Café.</p> 



ii. **'Berkeley BART Plaza'**

'Berkeley's Bay Area Rapid Transit' (BART) Plaza terletak di Downtown Berkeley, California iaitu di sepanjang bahagian barat Shattuck Avenue di antara Allston Way dan Center Street.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
<p>Downtown Berkeley, California.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Café yang terletak di sini dikelilingi oleh bangunan-bangunan pejabat, bank, perkedaian, gudang kain dan pelbagai perniagaan lain. • Ia juga berdekatan dengan pejabat pos, sekolah, perpustakaan, universiti, hotel, perumahan dan pawagam. • Ianya dilengkapi dengan café-café untuk kemudahan pengguna, pekerja dan pengunjung kawasan ini. • Oleh kerana plaza ini berdekatan dengan stesen pengangkutan awam, maka pengguna café terbuka yang terdapat di sini adalah terdiri dari semua golongan kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua. 	<ul style="list-style-type: none"> • Plaza ini merupakan medan pejalan kaki yang sangat luas dengan laluan masuk dan keluar dari stesen BART Berkeley. • Medan pejalan kaki berturap ini menghubungkan kawasan ini terus ke pintu masuk utama stesen BART di utara tapak, manakala bangunan pejabat dan komersial di kiri kanan medan. • Elemen lain yang terdapat di sini ialah bangku, meja makan, telefon, rak surat khabar, lampu, pokok teduhan dan hiasan, serta tempat letak basikal. <p>Rajah 3.2 : Peta Lokasi Berkeley BART Plaza</p> 

• **'TransAmerica Redwood Park'**

'TransAmerica Redwood Park' terletak di tengah-tengah blok yang bersebelahan dengan 'TransAmerica Pyramid' di antara Clay dan Washington Streets di Downtown San Francisco.

LOKASI	SUSUN ATUR	REKA BENTUK
<p>Downtown San Francisco, Washington.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bangunan bersebelahan adalah kedai pejabat. • Aktiviti perniagaan yang wujud di sini adalah terhad. • Oleh kerana kawasan ini adalah separa awam, maka ianya ditutup pada hari hujung minggu. • Keadaan ini meningkatkan keselamatan di kawasan ini kerana ianya dikawal sepenuhnya oleh pemilik tanah. • Pengunjung yang mengunjungi kawasan terhad daripada golongan pekerja di sekitar ini sahaja. <p>Rajah 3.3 : Pelan Lokasi TransAmerica Redwood Park.</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan ini dilengkapi dengan tempat duduk, meja makan, kawasan berumput, pentas, lampu, ruang pejalan kaki, café, pokok teduhan dan pokok hiasan.  <p>Gambar 3.9 : Suasana Café Terbuka di 'TransAmerica Redwood Park'.</p>

iv. Cappuccino Strip, South Terrace, Fremantle, Australia.

Fremantle adalah kota pelabuhan yang berfungsi sebagai tempat tinggal, tempat bekerja serta tujuan wisata yang menenangkan penuh dengan warisan dan budayanya. Aktiviti yang biasa berlangsung di Fremantle adalah perayaan, acara multicultural, pameran barang-barang seni, konsert terbuka, pertunjukan hiburan di sepanjang jalan, pertandingan olah raga dan banyak lagi.

Lokasi	Susun Atur	Reka Bentuk
Fremantle, Australia.	<ul style="list-style-type: none">• South Terrace dikenali sebagai jalur cappuccino kerana terdapat banyak café-café kopi yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan.• Terdapat juga beberapa tempat penjualan minuman keras dan restoran di daerah ini yang mana penuh apabila tiba waktu-waktu tertentu khususnya pada hujung minggu dan waktu petang.• Café terbuka di Cappuccino Strip ini dibina di sepanjang bahu jalan South Terrace pada koridor bangunan dengan mengunjurkan café dari bahagian bangunan sedia ada.	<ul style="list-style-type: none">• Café terbuka menggunakan sebahagian ruang jalan sebagai ruang sajian mereka untuk meletak kerusi meja serta payung café mereka.• Penggunaan kanopi dan 'overhang' pada bangunan adalah sebagai sebahagian ruang penyediaan café terbuka.• Laluan pejalan kaki di sediakan di tepi kawasan jaluran café terbuka dengan jalan berturap dan garisan putih sebagai sempadan jalan pejalan kaki dengan jalan kenderaan. 


Gambar 3.10 : Café Lorong Di Cappuccino Strip.

4.0 DASAR PELAKSANAAN

- i. Pelaksanaan café terbuka perlulah memenuhi keperluan setempat dan dirancang di dalam kawasan komersial/perniagaan di pusat bandar atau pusat kejiranan.
- ii. Setiap pembangunan komersial/perniagaan sedia ada perlulah menaik taraf laluan pejalan kaki atau mereka bentuk semula rizab jalan untuk penyediaan ruang café terbuka dan penggunaan kakilima tidak dibenarkan.
- iii. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan menaiktaraf laluan pejalan kaki atau mereka bentuk semula rizab jalan untuk penyediaan ruang café terbuka.
- iv. Setiap kawasan komersial/perniagaan sedia ada untuk dirancang hendaklah mengambilkira kemampuan kemudahan sedia ada untuk menampung keperluan café terbuka.
- v. Perancangan café terbuka hendaklah berdasarkan garis panduan-garis panduan berikut:-
 - Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti (*Service Protocol*) bil. 20/97; dan
 - Garis Panduan Landskap Negara.
- vi. Lokasi
 - Pembangunan café terbuka boleh dipertimbangkan di kawasan pusat tumpuan pelancong;
 - Kakilima kedai tidak dibenarkan untuk menempatkan ruang kerusi, meja untuk ruang makan/minum; dan
 - Café berkenaan tidak boleh menjejaskan lokasi pili bomba yang ditempatkan di rizab pejalan kaki atau rizab jalan berkenaan.
- vii. Status Tanah
 - Tanah kerajaan yang terlibat dengan pembinaan café terbuka hendaklah dipohon oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk pengeluaran TOL. Tapak berkenaan kemudian akan disewakan kepada pemaju berkenaan.
- viii. Reka Bentuk
 - Hanya binaan bumbung/kanopi terbuka bagi tujuan menempatkan ruang makan/minum sahaja boleh dibenarkan;
 - Café berkenaan hanya bersifat tambahan kepada perniagaan makanan dalam kompleks/kedai sedia ada. Pembinaan bagi tujuan 'outlet' berasingan tidak dibenarkan;
 - Seboleh-bolehnya binaan bumbung hendaklah jenis bahan ringan;
 - Bahan binaan kerangka dan bumbung hendaklah jenis bahan ringan; dan
 - Pembinaan dengan cerucuk/*footing* tidak dibenarkan.

- ix. Kemudahan
- Mempunyai laluan pejalan kaki tanpa sebarang halangan struktur dengan kelebaran minimum 3 meter (10 kaki). Laluan pejalan kaki ini juga hendaklah boleh digunakan oleh orang kurang upaya;
 - Kawasan pejalan kaki dan café hendaklah diperindahkannya dengan penanaman pokok-pokok; dan
 - Mengadakan tempat pembuangan sampah yang teratur.
- x. Syarat-Syarat Perintah Pembangunan :
- Kelulusan ini diberikan atas dasar sementara iaitu dari setahun ke setahun sahaja. Pihak Berkuasa Tempatan boleh membatalkan kelulusan sementara ini pada bila-bila masa (dengan memberi notis sebulan) jika difikirkan perlu.
 - Perintah Pembangunan ini adalah sah selama satu tahun dari tarikh pengeluarannya. Pelan bangunan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum luput syarat kelulusan pembangunan ini.
 - Menghantar pelan bangunan dan menanti kebenarannya sebelum sebarang kerja-kerja bangunan dimulakan. Bangunan yang dicadangkan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berkenaan di bawah Undang-Undang Kecil.
 - Kelulusan bagi pembangunan yang dibenarkan melalui Perintah Pembangunan ini hendaklah secara am mengikut cadangan seperti ditunjuk dalam pelan. Jika terdapat apa-apa penyelewengan/tambahan secara matan dari kelulusan ini semasa pembinaan, Perintah Pembangunan ini akan ditarik balik serta merta dan tindakan undang-undang juga boleh diambil ke atas pemohon.
 - Pemohon dikehendaki membayar sewa tapak mengikut kadar sewa yang akan ditentukan ke atas cafe terbuka yang dicadangkan.
 - Suatu sistem pengumpulan sampah hendaklah disediakan sebelum Pelan Bangunan diluluskan.
 - Memperolehi lesen daripada Pengarah Jabatan Pelesenan, atas dasar setahun ke setahun dan mematuhi semua kehendak-kehendak tersebut sebelum menjalankan perniagaan.
 - Menjaga kebersihan premis restoran yang dicadangkan serta mengadakan :
 - Sistem kawalan pengendalian makanan yang bersih dan moden;
 - Sistem buangan sampah yang teratur supaya menjamin kepentingan kesihatan awam; dan
 - Premis restoran diperiksa untuk memastikan kehendak-kehendak tersebut dan kehendak-kehendak lain yang ditentukan oleh Jabatan Kesihatan dapat dipatuhi dengan sepenuhnya sebelum lesen perniagaan dikeluarkan.

- Pelan-pelan pengindahan dan landskap termasuk tanaman pokok bagi kawasan sekeliling bangunan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum pelan-pelan bangunan diluluskan.
- Kawasan pejalan kaki hendaklah diturap dengan kepingan-kepingan ubin.
- Perletakan hendaklah memenuhi keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat seperti berikut :
 - Setiap bangunan perlu menyediakan sekurang-kurangnya satu pili bomba yang diletakkan di tengah-tengah lebar bangunan dan 90 meter (300 kaki) dari akses terhampir bagi laluan kereta bomba;
 - Untuk rumah kedai, saiz bangunan yang dibenarkan iaitu 100 meter (320 kaki) perlu disediakan 2 unit pili bomba di kedua-dua hujung bangunan atau jarak antara pili iaitu 90 meter.
- Penggunaan ruang untuk 'outside café' tidak boleh mengganggu kemudahan pili bomba yang ada di kawasan itu dan mengikut piawaian berikut :
 - Jauh dari sebarang halangan seperti perabot jalan iaitu kerusi, bangku, telefon dan sebagainya;
 - Tidak kurang daripada 2,000 mm dari sempadan bangunan dan 'overhangs';
 - Di antara 610 mm ke 2,400 mm dari 'Fire Appliance Access';
 - Jauh dari risiko kemalangan kenderaan;
 - Tidak lebih daripada 90 meter jarak antara satu sama lain (dalam sempadan bangunan baru ke pembangunan sedia ada, pili bomba perlu disediakan sekiranya tiada pili di jarak radius 45 meter dari bangunan baru).



5.0 PRINSIP PERANCANGAN


Perancangan café terbuka berkait rapat dengan rangkaian pejalan kaki sebagai jaringan perhubungan mereka. Kaitan ini telah menjadikan hak pejalan kaki sebagai satu aspek utama dalam perancangan sebelum pembinaan café terbuka boleh dijalankan. Perancangan yang teliti dapat menjadikan café terbuka sebagai satu tempat tumpuan yang utama.

Perancangan **kemudahan café terbuka**, hendaklah berasaskan Prinsip-prinsip Perancangan dan Pembangunan Sejagat seperti berikut:

<p>i. Adil</p> 	<p>a. Ruang café yang dirancang hendaklah bersambung dengan restoran atau café supaya dapat memanfaatkan kemudahan itu dengan sebaik mungkin.</p> <p>b. Ruang legar hendaklah disediakan untuk mewujudkan pergerakan pejalan kaki yang bebas:</p> <ul style="list-style-type: none">• antara café dengan café.• antara café dengan bangunan asal.• antara café dengan jalan raya.
<p>ii. Kemudahsampaian</p> 	<p>a. Ruang yang dirancang hendaklah tidak mengganggu laluan awam di kaki lima yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 sedia ada.</p> <p>b. Lengkap dengan tempat letak kereta dan kemudahan lalulintas.</p> <p>c. Pengurusan trafik yang terkawal.</p> <p>d. Mempunyai jalan masuk yang mudah.</p> <p>e. Menyediakan 'ramp' dan tempat letak kenderaan khas bagi golongan kurang upaya.</p>


<p>iii. Keselamatan dan Keselesaan</p> 	<ul style="list-style-type: none"> a. Kemudahan café terbuka hendaklah selamat dan selesa kepada pengguna kaki lima amnya dan pelanggan café secara khususnya. b. Sesuai dengan keadaan iklim atau mikro iklim. c. Mempunyai teduhan dan tempat duduk.
<p>iv. Berkualiti dan Berkomponen</p>  	<ul style="list-style-type: none"> a. Reka bentuk menarik pada struktur hiasan landskap 'hardscape' yang dapat menambahkan kualiti ruang pejalan kaki (<i>walkways</i>) dengan reka bentuk yang berkualiti pada hiasan tiang lampu, pasu bunga dan tong sampah yang bersesuaian dengan konsep café terbuka. b. Penggunaan tiang 'banner' dan iklan sebagai satu promosi atau pengenalan awal café terbuka sebelum pengunjung melalui café terbuka tersebut.
<p>v. Perhubungan dan Kesenambungan</p> 	<ul style="list-style-type: none"> a. Ruang ini hendaklah dirancang di dalam kawasan pejalan kaki (<i>walkways</i>) untuk memberi perhubungan yang terbaik antara pejalan kaki dengan kemudahan café terbuka. b. 'Jaluran Hijau' yang bersambung di sepanjang laluan pejalan kaki. c. Menyediakan Taman dan Medan Bandar

vi. Seni dan Keindahan




- a. Reka bentuk bertema, untuk mewujudkan identiti yang kukuh supaya mudah dikenali oleh masyarakat tempatan.
- b. Contoh tema: Taman Bali
 - mempunyai hiasan ukiran dan lukisan Bali.
 - Ia dilandskap dengan pokok-pokok tropika seperti pokok sarang burung dalam pasu tergantung pada tiang lampu yang mempunyai ornamen Bali di sepanjang kaki lima (*walkways*).
- c. Mewujudkan koridor landskap
- d. Menengahkan seni dan unsur tempatan dengan menggunakan landskap bahan tempatan.
- e. Kesesuaian hiasan mengikut habitat.
- f. Landskap dibuat bersesuaian dengan manusia. '*landscape for mankind*'.

vii. Berwawasan dan Dinamik



- a. Mewujudkan '*sense of identity*' kepada sesuatu kawasan pejalan kaki dan imej bandar yang menarik dan berseni.
- b. Susun atur hiasan dan landskap yang ringkas dapat menggambarkan imej yang bersih dan kemas:
 - landskap sejagat
 - landskap tempatan
- c. Senireka landskap yang menitik beratkan kepada ornamen-ornamen (ukiran) pada landskap kejur menjadikan suatu kawasan kelihatan lebih mewah dan berat.
- d. Memikirkan keperluan masa depan dengan menyediakan komponen-komponen seperti:
 - Sudut '*Information Technology*' (IT)
 - Ruang galeri dan pameran
 - Taman seni dan arca

viii. Penjimatan dan Landskap



a. Perancangan mengambil kira teknologi dan susunan serta prosedur yang inovatif untuk menjimatkan kos.

b. Pemilihan bahan buatan komponen 'hardscape' juga mesti dititikberatkan supaya kos penyelenggaraan dapat dikawal bagi memastikan kegiatan vandalisme dapat ditangani:

- sebagai contoh kemasan pondok telefon daripada plastik/polimer yang mudah dibersihkan.

6.0 GARIS PANDUAN UMUM

6.1 Fungsi Café Terbuka

Kedudukannya yang terletak di zon pembangunan seperti pejabat, pusat komersial mahupun institusi adalah sebagai pemangkin kewujudan café terbuka. Oleh itu, café tersebut memberi **fungsi** yang lebih meluas bukan sahaja sebagai tempat untuk menghilangkan dahaga atau **berehat**, malah ia juga dijadikan sebagai:-

i. Tempat Pertemuan

- a. Untuk bersosial antara rakan sekerja dalam kumpulan.
- b. Perjumpaan (*gathering*) golongan tertentu.

ii. Temujanji Sosial

- a. Perbincangan antara dua pihak tentang pekerjaan atau hal perbincangan tugas persekolahan bagi golongan pelajar dan remaja.
- b. Sebagai tempat rehat sambil menenangkan fikiran setelah seharian bekerja.



Gambar 6.1 : Café Terbuka Jenis Koridor Melihatkan Aktiviti Sosial di kalangan Masyarakat Kita.

iii. Menunjukkan Taraf serta Tempat Pertemuan Utama

- a. Sesetengah golongan berpendapat ia sebagai satu cara menunjukkan status kehidupan dan imej metropolitan yang bersesuaian dengan cara hidup mereka di bandar.


iv. Sebagai Institusi Sosial

- a. Café terbuka adalah sebagai salah satu tempat tumpuan, di mana kewujudannya adalah suatu budaya baru bagi penduduk bandar kini. Ia boleh dianggap sebagai satu institusi sosial secara tidak formal di mana masyarakat dapat mengurangkan tekanan, sebagai tempat 'refreshment', perbincangan dan pertemuan sambil menikmati makanan dan minuman.

6.2 Pemilihan Lokasi Café Terbuka

Beberapa tempat tumpuan utama dijadikan pilihan perletakan café, iaitu:

- i. Pusat tumpuan (*nodes*)
- ii. Sepanjang laluan pejalan kaki
- iii. Pusat komersil, institusi, bank, hotel atau bangunan pejabat




Laluan pejalan kaki ini berperanan penting sebagai penghubung dari satu tempat ke tempat yang lain. Laluan yang sebelum ini hanya dijadikan sebagai sistem jaringan kaki lima kini diberi taraf yang lebih tinggi dengan wujudnya café terbuka yang akhirnya menjadikan sesuatu tempat itu sebagai pusat tumpuan kawasan tersebut.

Rajah 6.1 : Binaan Café Terbuka di atas Jaringan Laluan Pejalan Kaki yang Menghubungkan Pusat-Pusat Tumpuan (*Nodes*).



Pusat-pusat tumpuan di sekitar bandar dan bandaraya berpotensi mewujudkan café terbuka apabila dihubungkan dengan laluan-laluan pejalan kaki daripada pelbagai arah.

Rajah 6.2 : Pelan Lokasi Kuala Lumpur
Potensi Tapak Bagi Café Terbuka di Sekitar Kuala Lumpur Pada Jaringan Laluan Pejalan Kaki yang Popular.



Potensi Tapak A

Contoh binaan café terbuka pada kawasan A ialah di Jalan Bukit Bintang. Café terbuka dibina di atas laluan pejalan kaki (*street mall*) yang menghubungkan antara Star Hill Plaza, KL Plaza dan Lot 10. Café terbuka **Bintang Walk** kini menjadi satu pusat tumpuan yang penting di kawasan **Bukit Bintang** dan berperanan sebagai pelengkap kepada gaya hidup metropolitan bersesuaian dengan lokasinya. Kawasan lingkungan A ini sangat berpotensi kerana ia merupakan **pertembungan 'nodes' komersil** (Sg. Wang Plaza, Star Hill Plaza, Bukit Bintang Plaza, dan Lot 10) **dengan 'nodes' hotel** (Regent, Fortuna, Park Royal, dan Fairlane, Kuala Lumpur).

Potensi Tapak B

Kawasan tapak B sangat berpotensi untuk binaan café terbuka kerana terdapat banyak tempat tumpuan utama di sekitarnya. *Nodes* pada kawasan tapak B ialah:

1. Central Market
2. Metrojaya Sinar Kota
3. Menara Maybank
4. Stesyen Bas Puduraya
5. Stesyen Bas Klang
6. Stesyen Transit Aliran Ringan (LRT), Central Market
7. Hotel Katari
8. Hotel Impiana
9. Malaya Swiss Inn
10. Urusniaga berjajar Jalan Petaling
11. Stesyen Bas Putra

Jaringan jalan raya dan laluan pejalan kaki di sekitar kawasan tersebut menjadikan tempat ini berpotensi untuk binaan café terbuka seperti di Jalan Silang, Jalan Hang

Kasturi, Jalan Tun Sambanthan, Jalan Pudu dan Jalan Cheng Lok. Contohnya Starbuck Café membuka cawangannya di Jalan Silang bersebelahan dengan Kota Raya dan sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan.

6.3 Jenis-Jenis Cafe


Terdapat beberapa jenis café mengikut pengkelasan umum. Jenis café ini bergantung kepada lokasi, susun atur serta reka bentuk yang tersendiri, di antaranya:

- i. Café Sudut (*Corner Café*)
- ii. Café Nodal atau (*'Pocket Park' Café*)
- iii. Café Persisiran Air (*Water Edge Café*)
- iv. Café Lorong Belakang (*Backlane Café*)
- v. Café Lorong (*Sidelane Café*)
- vi. Café Atas Bumbung (*Rooftop Café*) dan Café Balkoni
- vii. Café Berteres (*Terraced Café*)
- viii. Café Dataran (*Promenade Café*)
- ix. Café *'Bistro'*
- x. Café Koridor (*Corridor Cafe*)
- xi. Café Taman (*Garden Café*)
- xii. Café *'Food Court'*

6.3.1 Café Sudut (*Corner Café*)

Café *Sudut* (*corner café*) adalah café terbuka yang dibina di sudut-sudut bangunan asal. Café Sudut ini merupakan salah satu tarikan kepada pejalan kaki yang melalui kaki lima bangunan tersebut. Kedudukan di sudut bangunan ini lebih berkesan untuk urusanniaga café kerana ia kelihatan lebih menonjol dan merupakan salah satu strategi perniagaan yang baik. Kebiasaannya, café jenis ini mempunyai kelebihan kerana dari sudut bangunan, pengunjung mempunyai dua *'focal point'* yang berbeza iaitu pengunjung dapat melihat pemandangan dari dua arah yang berbeza.

Rajah 6.3 : Lokasi Café Sudut



i. **Prospek**

a. **Susun atur** bagi café sudut ini hendaklah menekankan laluan pejalan kaki di hadapan bangunan. Bagi mengawal serta tujuan keselamatan, 'bollard' diletak di antara café dan jalan raya. Ia juga sebagai pemisah di antara laluan pejalan kaki dan ruang café terbuka.

b. **Reka bentuk** café ini selalunya berciri klasik atau moden kerana ruang penyediaan elemen **landskap** adalah terhad.

c. **Ciri-ciri menarik**

- Kemudahsampaian
- Tempat pertemuan utama

d. **Ciri-ciri Lain**

- Keadaan agak sibuk dan sesak dengan orang yang lalu lalang
- 'Privacy' rendah
- Penyediaan kemudahan untuk menjaga kebersihan perlu tinggi.

Rajah 6.4 : Pelan Kedudukan Café Sudut



ii. **Spesifikasi Café Sudut :**

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none">▪ 1 petak kereta :- 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)▪ 1 petak motosikal :- 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café :-
<ul style="list-style-type: none">▪ Minimum 90 meter persegi (1000 kaki persegi)▪ Kelebaran ruang terbuka sebagai medan selera :-▪ 6.0 m – 9.1 m (20 kaki - 30 kaki)▪ Jarak antara café :-▪ Minimum 3.0 m (10 kaki)
Kemudahan Landskap :-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none">▪ Bangku▪ Lampu▪ Kanopi▪ Tong sampah▪ Telefon▪ 'Bollard'
Landskap Lempit
<ul style="list-style-type: none">▪ 'Majestic palm'▪ Pokok Pinang

Gambar 6.2 : Gambaran Café Sudut



Rajah 6.5 Keratan Rentas Café Sudut



Rajah 6.6: Isometrik Café Sudut



6.3.2 Café Nodal atau 'Pocket Park Café'

Café Nodal adalah suatu binaan café terbuka pada suatu kawasan awam (*public spaces*) bangunan komersil, taman kejiranan atau bangunan pejabat yang sedia ada. Café Nodal dibina bagi tujuan riadah dan bersosial sambil menikmati makanan dan minuman serta memerhati air



Gambar 6.3: Air Pancutan Sebagai Tumpuan Café

pancut berirama, pemuzik jalanan dan sebagainya. Café ini juga menjadi tarikan pengunjung ke bangunan komersil ini dengan menggunakan café sebagai ruang rehat dan tempat menunggu.

i. **Prospek**

a. Konsep **susun atur** café nodal ini agak terbuka bergantung kepada ruang dan keluasan taman tersebut. Café ini selalunya terletak di ruang terbuka yang dikelilingi bangunan (*courtyard*).



Gambar 6.4 : Gambaran Café Nodal Dikelilingi Bangunan Komersial.

b. Café ini boleh mempunyai pelbagai tema **landskap** dan ia tidak terhad pada satu reka bentuk sahaja. Kepelbagaian tanaman terutamanya pokok palma seperti '*majestic palm*' ataupun pokok teduhan seperti pokok tapak kuda atau '*tecoma*'. Elemen air pancutan menjadi daya tarikan terutama pada waktu malam.

c. **Reka bentuk** café ini dipengaruhi oleh keadaan persekitaran seperti pada waktu petang serta musim hujan. Payung atau kanopi diperlukan bagi memberi keselesaan kepada pelanggan.

d. Ciri-ciri menarik

- Ruang café terbuka agak luas.
- Suasana lebih selesa dan tenang.
- Biasanya digunakan elemen arca sebagai titik tumpuan.
- Landskap taman tidak terhad.



Gambar 6.5 : Café Nodal yang Terletak di Tengah Bandar dengan Elemen Air Pancutan

ii. Spesifikasi Café Nodal

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> 1 petak kereta:- 2.5 meter persegi (250 kaki persegi) 1 petak motosikal:- 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang awam
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 90.0 meter persegi (1000 kaki persegi)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> Bangku Lampu Dataran Tong sampah Telefon Arca Ruang 'skateboard'
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> Air pancutan Sungai kecil Kolam buatan Gabungan reka bentuk penanaman secara berintegrasi.

Rajah 6.7 : Pelan Kedudukan Café Nodal



Rajah 6.8: Keratan Rentas Café Nodal



6.3.3 Cafe Pesisiran Air (Water Edge Café)

Café ini menjadikan elemen air sebagai tarikan utama pengunjung. Perletakan café yang dibina di pesisiran sungai menghadap ke kawasan air untuk mendapatkan pemandangan yang menarik membolehkan pengunjung melihat aktiviti pesisiran sungai sambil menikmati minum petang. Di samping itu, pemeliharaan sungai akan dipertingkatkan bagi menambahkan nilai visual. Penambahan pokok bagi suasana redup juga akan menarik lebih ramai pengunjung.



Gambar 6.6: Gambaran Café di Pesisiran Air.

i. Prospek

a. Walaupun **susun atur** café ini agak terbuka tetapi masih menekankan aspek laluan pejalan kaki. Rizab sungai mestilah dikekalkan dan ditanam dengan pokok bagi mengelak hakisan.

b. Dari segi **landskap**, elemen landskap kejur turut memainkan peranan seperti 'bollard' bagi menceriakan suasana terutama pada waktu malam. Pencahayaan penting bagi mengimbangi suasana suram di tepi sungai.

c. Ciri-ciri menarik

- Suasana lebih tenang dan selesa.
- Persekitaran yang semulajadi
- Sistem pencahayaan memainkan peranan penting pada waktu malam.
- Suasana romantik

d. Ciri-ciri Lain

- Memerlukan penjagaan air supaya sentiasa bersih.



Gambar 6.7 : Imej Café Pesisiran Air dengan Gabungan Pokok Teduhan Supaya Dapat Mewujudkan Suasana Romantik dan Tenang.

ii. Spesifikasi Café Persisiran Air (Water Edge) :-

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak kereta:- 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) ▪ 1 petak motosikal:- 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 90.0 meter persegi (1000 kaki persegi)
Kelebaran keperluan ruang:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 6.0 meter (20 kaki) iaitu selepas ruang pejalan kaki.
Keperluan laluan pejalan kaki:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Terletak di tepi sungai dengan saiz 3.0 meter (10 kaki)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bangku ▪ Lampu ▪ Dataran ▪ Laluan pejalan kaki ▪ Telefon ▪ 'Bollard'
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 'Majestic palm' ▪ Pokok pinang ▪ Kotak tanaman gabungan pokok berbunga seperti bunga kertas serta pokok daun berwarna seperti 'Ophiopogon' jaburan

Rajah 6.9 : Keratan Rentas Café Persisiran Air



Rajah 6.10 : Pelan Kedudukan Café Persisiran Air.



6.3.4 Cafe Lorong Belakang (*Backlane Café*)

Café Lorong Belakang (*Backlane café*) dibina di ruang belakang bangunan yang berpotensi. Kebiasaannya café terbuka ini melibatkan suatu ruang jalan belakang yang agak kecil berbanding jenis '*Backlane Café*'. Café jenis ini dilihat berjaya menarik pengunjung dari golongan remaja yang lebih minat untuk **menikmati makanan barat** dan berbual sepanjang malam di café jenis ini.




Gambar 6.8: Suasana Café Lorong Belakang yang Agak Suram.

i. Prospek

- a. Café ini kurang mendapat sambutan kerana kedudukan yang terletak di belakang bangunan.
- b. **Susun atur** café ini juga kurang diberi perhatian oleh kebanyakan pemilik. Isu bau longkang, keadaan tidak bersih serta suasana yang agak suram pada waktu malam menyebabkan café ini kurang pelanggan.
- c. Masalah ini boleh diatasi dengan penambahan elemen **landskap** seperti penyediaan pokok berpasu yang menarik, pokok palma sebagai tema café atau penggunaan pencahayaan yang maksimum.

Rajah 6.11 : Keratan Rentas Café Lorong Belakang




- d. Begitu juga **reka bentuk** seperti kerusi meja yang '*elegant*' dapat mengurangkan kecacatan keadaan persekitaran.
- e. **Ciri-ciri Menarik**
 - Keadaan yang kurang panas berbanding café lain.
- f. **Ciri-ciri Lain**
 - Longkang perlu ditutup.
 - Bangunan kedai perlu ada '*double frontage*'.
 - Keadaan belakang bangunan perlu bersih.
 - Dua jenis lampu perlu disediakan iaitu lampu untuk memberi pencahayaan bagi tujuan keselamatan dan lampu perhiasan untuk pengindahan.
 - Ruang rizab tidak kurang daripada 6 meter (20 kaki).

ii. Spesifikasi Café Lorong Belakang (*Backlane Café*) :-

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) ▪ 1 petak motosikal : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 36.0 meter persegi (400 kaki persegi)
Kelebaran ruang diperlukan:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 6.0 meter (20 kaki) iaitu selepas ruang pejalan kaki
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bangku ▪ Lampu ▪ 'Pavement' ▪ 'Pergola'
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 'Majestic palm' ▪ Pokok pinang ▪ Pokok berpasu yang berwarna seperti '<i>Lantana camara</i>', bunga raya, '<i>Plumbago auriculata</i>'.

Rajah 6.12 : Pelan Kedudukan Café Lorong Belakang.



Gambar 6.9 : Café Lorong Belakang yang Disediakan dengan Kanopi bagi Memberi Keselesaan Kepada Pelanggan.



6.3.5 Café Lorong (Lane Café)

Café terbuka jenis ini dibina di antara dua bangunan yang berhadapan antara satu sama lain. Ruang café yang dibina di hadapan bangunan lebih meyakinkan berbanding café lorong belakang kerana ia kelihatan lebih kemas dan lebih 'inviting' dengan bahagian hadapan bangunan yang teratur tidak mencatitkan pemandangan café ini.



Gambar 6.10 : Reka Bentuk Café Lorong Yang Agak Membosankan.

i. Prospek

a. **Susun atur** café ini lebih formal. Susunan kerusi meja yang berbaris disebabkan ruang yang terhad menimbulkan suasana bosan. Untuk itu, sesetengah pemilik mengambil ruang pejalan kaki dan ini telah menimbulkan masalah kepada orang awam yang melalui kawasan tersebut.



Gambar 6.11 : Gambaran Café Lorong

b. Penggunaan **landskap** seperti pokok berpaku amat digalakkan. Begitu juga pemilihan 'pavement' yang bercorak boleh menjadi tarikan pelanggan.

c. **Reka bentuk** seperti penggunaan kanopi yang besar boleh mengurangkan keadaan sesak jika payung digunakan.

d. Ciri-ciri Menarik

- Kemudahsampaian

e. Ciri-ciri Lain

- Anjakan antara bangunan dijadikan koridor pejalan kaki secara kekal;
- Disediakan lampu pencahayaan untuk keselamatan dan lampu perhiasan;
- Anjakan

ii. Spesifikasi Café Lorong
(Lane Café) :-

Keperluan tempat letak kereta:-

- 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
- 1 petak motosikal: 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)

Saiz ruang café:-

- 36.0 meter persegi (400 kaki persegi)

Kelebaran keperluan ruang:-

- Minimum 6.0 meter (20 kaki) iaitu selepas ruang pejalan kaki.

Jarak antara café:-

- Minimum 3.0 meter (10 kaki)

Kemudahan Landskap:-

Landskap Kejur

- Bangku
- Lampu
- Dataran
- Laluan pejalan kaki
- Telefon
- 'Pavement'
- Kanopi
- Skrin kaca menghalang habuk dan asap kenderaan

Landskap Lembut

- Pokok bunga berpasu seperti '*Ixora coccinea sunkist*'.
- Pokok pinang
- Pokok teduhan , tapak kuda



Gambar 6.12 : Perspektif Café Lorong

Rajah 6.13 : Keratan Rentas Café Lorong




Rajah 6.14 : Pelan Kedudukan Café Lorong.



6.3.6 Café Atas Bumbung (Rooftop Café) dan Café Balkoni

Kebiasaannya café atas bumbung ini dibina di bahagian atas aras bumbung ataupun dengan mengunjurkan sedikit lantai binaan untuk ruang café di bahagian 'foyer'. Binaan café jenis ini adalah unik kerana kedudukan café yang terletak jauh lebih tinggi dari persekitaran membolehkan pengunjung menikmati hidangan sambil memerhatikan persekitaran dari sudut penglihatan yang lebih menarik.

Rajah 6.15 : Keratan Rentas bagi Café Atas Bumbung.



Gambar 6.13: Reka Bentuk Café Balkoni yang Menarik.

i. Prospek

- a. **Susun atur** café ini secara tidak formal, tetapi masih ada ruang untuk keselesaan pengunjung. Café ini selalunya terdapat di hotel, kondominium, ataupun bangunan pejabat. Café ini mempunyai pengunjung yang terhad disebabkan lokasi yang agak tinggi ataupun selalunya dimiliki oleh pihak persendirian.
- b. **Landskap** café ini lebih kepada penggunaan pokok berpasu. Penggunaan pokok adalah minimum kerana ruang yang terhad mencerminkan konsep '*simplicity*' tetapi menarik.
- c. **Reka bentuk** café ini mudah kerana lebih bergantung kepada pemandangan persekitaran.

d. Ciri-ciri Menarik:-

- Pemandangan yang menarik.
- Suasana lebih nyaman.
- Kurang kesesakan kerana bilangan pengunjung kurang.

e. Ciri-ciri Lain

- Memerlukan 'privacy' yang optimum.
- Penggunaan ruang yang baik.
- Keadaan cuaca mempengaruhi bilangan pelanggan yang datang.

ii. Spesifikasi Café Atas Bumbung (Rooftop Café) :-

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) 1 petak motosikal: 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 90.0 meter per segi (1000 kaki persegi)
Kelebaran ruang diperlukan:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 90.0 meter persegi (1000 kaki persegi)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> Bangku Lampu Dataran Laluan pejalan kaki Telefon Pergola Arca
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> Pokok pinang Tanaman penutup bumi seperti '<i>rheo discolor</i>' dengan gabungan '<i>arachis pinto</i>' dalam kotak tanaman Renek seperti '<i>canna</i>' yang pelbagai warna

Rajah 6.16 : Elemen Air Dan Pokok-Pokok Memberi Suasana Sejuk Di Atas Bumbung.



Gambar 6.16 : Susun Atur Café yang Kemas dan Teratur



Gambar 6.15 : Perspektif Café Atas Bumbung.



Gambar 6.14 : Konsep Café Balkoni Dan Café Atas Bumbung Hampir Sama Dari Segi Susun Atur dan Reka Bentuk.

6.3.7 Café Berteres (*Terraced Cafe*)

Café jenis ini dibina di luar bangunan komersil. Pembangunannya melibatkan pembinaan beberapa unit café di atas paras yang berlainan dan bersebelahan menjadikan satu deretan café yang memanjang. Café berteres kelihatan cantik, meriah dan ceria dengan gabungan beberapa payung pelbagai warna dari café yang berlainan. Lantai diturap dengan 'pavement' pelbagai warna sebagai tarikan serta imej café tersebut dan disesuaikan dengan ruang kaki lima serta ruang pejalan kaki.



Gambar 6.17 : Kedudukan Pelbagai Aras Mewujudkan Kelainan Kepada Pelanggan yang Gemar ke Café untuk Berahat.

i. **Prospek**

- a. Susunan café ini secara berderet/berjajar kerana café berteres ini bersebelahan dengan café lain.
- b. **Landskap** café ini hendaklah mempunyai tema yang sama dengan café bersebelahan kecuali jika konsepnya berlainan. Café jenis ini selalunya bersaing dengan yang lain bagi menarik pelanggan.
- c. Pelbagai **reka bentuk** boleh ditampilkan.
- d. **Ciri-ciri menarik**
 - Paras café yang berlainan nampak menarik dan tidak membosankan.

- Memberi kelainan kepada pelanggan menikmati makanan dan minuman sambil memerhati persekitaran.
- Menampilkan 'artscap' yang tersendiri.

e. **Ciri-ciri Lain**

- Ruang café terbuka menjadi sempit disebabkan perbezaan paras ketinggian teres.
- Bagi golongan kurang upaya, 'ramp' perlu disediakan.
- Keperluan ruang laluan pejalan kaki yang luas kerana café ini agak popular di kalangan remaja yang gemar suasana meriah dan ceria.

ii. Spesifikasi Café Berteres (*Terraced Café*) :-

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) 1 petak motosikal: 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 90.0 meter persegi (1000 kaki persegi)
Kelebaran ruang diperlukan:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> Bangku Lampu Papan tanda Laluan pejalan kaki 'Pavement' 'Bollard'
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> 'Majestic palm' Pokok Kelapa sawit Pokok berbunga tropika seperti 'Heliconia'.

Rajah 6.17 : Pelan Kedudukan Café Berteres.



Gambar 6.18 : Perspektif Café Berteres.

Rajah 6.18: Keratan Rentas Café Berteres.



6.3.8 Café Dataran (*Promenade Café*)

Café Dataran atau '*Promenade Café*', menjadi lebih menarik jika dilengkapi dengan elemen air dari unsur semulajadi sungai atau laut. Café ini mempunyai kelebihan pemandangan yang menarik serta ciri '*promenade*' yang melibatkan seni reka landskap di dataran sungai dengan teduhan hijau. Kawasan ini sesuai untuk tujuan rekreasi serta kawasan berbasikal di tepian sungai. Café dataran membolehkan pengunjung menikmati keindahan landskap '*promenade*' dan sungai di samping melihat aktiviti sekitar sungai.



Gambar 6.19 : Rizab Pejalan Kaki 20' Selepas Ruang Café Terbuka.



Gambar 6.20 : Pencahayaan Penting bagi Café Dataran.



Gambar 6.21 : Pembinaan Café banyak di Tepi Sungai.

i. **Prospek**

- a. **Susun atur** Café Dataran hampir sama dengan Café Pesisiran Air. Perletakkannya bersebelahan dengan sungai dengan keperluan laluan pejalan kaki kira-kira 3.0 meter (10 kaki). Ianya untuk mengawal kawasan awam di tepi sungai mahupun pantai.
- b. Adunan **landskap** tropika dan sedia ada boleh membangkitkan suasana ceria pada Café Dataran ini. Oleh kerana kebanyakan café ini berfungsi pada waktu malam, penggunaan kanopi adalah berkurangan dan konsep juga berlainan dengan café-café yang lain.

Reka bentuk lebih menekankan ciri-ciri romantik di tepi pesisiran air. Tahap '*privacy*' pelanggan adalah tinggi

d. **Ciri-ciri menarik**

- Romantik dan '*lively*'.
- Nyaman suasana tepi laut/sungai.
- Pencahayaan mewujudkan suasana tenang.

e. **Pengurusan yang baik untuk :**

- Pembuangan sampah
- Pemuliharaan pencemaran sungai.

ii. **Spesifikasi Café Dataran (Café Promenade) :-**

Keperluan tempat letak kereta:-

- 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
- 1 petak motosikal: 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)

Saiz ruang café:-

- Minimum 36.0 meter persegi (400 kaki persegi)

Kelebaran ruang diperlukan:-

- Minimum 9.0 meter (30 kaki)

Jarak antara café:-

- Minimum 3.0 meter (10 kaki)

Kemudahan Landskap:-


Landskap Kejur

- Bangku
- Lampu hiasan
- Lampu jalan
- Papan tanda
- Laluan pejalan kaki
- 'Pavement'
- 'Bollard'
- Arca

▪ Landskap Lembut

- Pokok pinang (*Areca catechu*)
- 'Heliconia' sebagai imej tropika
- Teduhan berbunga seperti tapak kuda.

Rajah 6.19 : Pelan Kedudukan Café Dataran.




Gambar 6.22 : Kesan Yang Menarik Dari Sistem Pencahayaan Pada Waktu Malam.


Jadual 6.1 : Keperluan Rizab Pejalan Kaki Mengikut Kelebaran Sungai.

Kelebaran Laluan Air Antara Tebing	Jarak Rizab yang Perlu Ada	Rizab Pejalan Kaki
Lebih dari 40 meter	50 meter	20 meter
Antara 20 dan 40 meter	40 meter	10 meter
Antara 10 dan 20 meter	20 meter	5 meter
Antara 5 dan 10 meter	10 meter	4 meter
Kurang dari 5 meter	5 meter	2 meter

Rajah 6.20 : Keratan Rentas Café Dataran.



Rajah 6.21 : Rizab Sungai Semulajadi Tidak Sesuai untuk Pembinaan Café Dataran.



6.3.9 Café Bistro

Café Bistro menonjolkan ciri-ciri bar dengan penggunaan kaunter bar serta kerusi tinggi. Café ini mementingkan interaksi antara 'bar tender' dengan pelanggan iaitu mesra pembeli dengan penjual bagi menunjukkan perkhidmatan café yang terbaik.

- Komunikasi sosial lebih bebas.
- Tempat pertemuan yang sesuai.

Rajah 6.22 : Binaan 'Free Standing' Café Bistro



i. Prospek


a. Café Bistro selalunya terletak di dalam bangunan asal. Namun kini bistro café mula didirikan sebagai 'free standing café' dengan **susun atur** yang terbuka seperti café yang lain.

b. Penggunaan kaunter bar agak terkenal bagi café ini. Elemen **landskap** yang paling sesuai ialah tanaman berpasu iaitu bagi meminimumkan penggunaan ruang yang terhad.

c. **Reka bentuk** café ini menampilkan ciri-ciri moden dan penggunaan 'pavement' yang menarik serta penggunaan payung atau pergola.

d. Ciri-ciri menarik

- Penggunaan kaunter bar yang 'simple'.



Gambar 6.23 : Perspektif Café Bistro.


ii. **Spesifikasi Café Bistro :-**

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) ▪ 1 petak motosikal : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 36.0 meter persegi (400 kaki persegi)
Kelebaran ruang diperlukan:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 6.0 meter (20 kaki)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bangku ▪ Lampu ▪ Kanopi ▪ Laluan pejalan kaki ▪ 'Pavement' ▪ 'Bollard' ▪ Glass screen (Sekiranya perlu)
Landskap Lembang
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan tanaman tropika dalam pasu :- 'canna limbata', 'hibiscus rosa-sinensis' ▪ Pokok teduhan, 'Tecoma'

Rajah 6.23 : Pelan Kedudukan Café Bistro.



Rajah 6.24 : Keratan Rentas Café Bistro



6.3.10 Café Koridor (Corridor Café)

Café koridor (*Corridor café*) biasanya berada di bawah satu bumbung di bangunan komersial. Koridor bangunan digunakan sebagai ruang tambahan kerusi meja bagi café tersebut boleh menimbulkan konflik kepada orang awam yang menggunakan laluan tersebut. Bagi

mengelakkan konflik ini, café yang menggunakan sebahagian koridor bangunan hendaklah terletak di sudut bangunan. Kerusi meja mestilah disusun berderet untuk memberi ruang kepada pejalan kaki.

i. **Prospek**

- a. **Susun atur** café ini adalah secara berjajar di bahagian koridor bangunan. Keperluan untuk laluan pejalan kaki adalah 2.3 meter - 3.0 meter (7.5 kaki - 10 kaki).
- b. Penggunaan **landskap**, tanaman berpasu atau kotak tanaman kurang sesuai kerana ruang koridor yang terhad.
- c. Bagi mengelak daripada silau cahaya matahari atau hujan café ini **direka bentuk** dengan meletakkan *'overhang'*. Begitu juga bagi mengawal haba disebabkan kedudukan café di dalam bangunan, sistem *'mist'* digunakan bagi menyejukkan persekitaran.
- d. **Ciri-ciri Menarik**
- Lokasi yang terletak dalam *'mall'* atau kompleks perniagaan amat diminati terutama di kalangan remaja
 - Kemudahsampaian dari pelbagai arah.
- e. **Ciri-ciri Lain**
- Suasana sibuk kerana lokasi yang terletak di laluan orang ramai
 - *'Privacy'* adalah sederhana.
 - Tidak memerlukan lampu yang berasingan kerana berada di dalam kawasan bangunan kompleks dan pencahayaan cukup. Hanya memerlukan lampu hiasan.



Gambar 8.24 : Keperluan Laluan Pejalan Kaki bagi Setiap Café Koridor.

ii. Spesifikasi Café Koridor :-

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none">▪ 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)▪ 1 petak motosikal : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none">▪ Minimum 36.0 meter persegi (400 kaki persegi)
Kelebaran ruang diperlukan:-
<ul style="list-style-type: none">▪ Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none">▪ Minimum 6.0 meter (20 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none">▪ Bangku▪ Lampu▪ Papan tanda▪ Laluan pejalan kaki▪ 'Glass screen'
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none">▪ Pokok berpasu, pokok bunga kertas, '<i>lantana camara</i>', '<i>ficus benjamina</i>'.▪ Pokok pinang (<i>Areca catechu</i>)



Gambar 6.25 : Perspektif Café Koridor


Rajah 6.25 : Pelan Kedudukan Café Koridor



6.3.11 Café Taman (*Garden Café*)

Café Taman kebanyakannya terletak di hadapan hotel, kawasan terbuka atau tempat-tempat eksklusif seperti padang golf dan sebagainya. Elemen landskap banyak digunakan untuk mengekalkan keadaan semulajadi. Kebanyakan café taman ini berkonsep tropika. Air adalah elemen penting bagi café jenis ini bagi mewujudkan suasana romantik dan tenang.

- Tumpuan terhadap sistem pencahayaan yang menarik pada waktu malam
- 'Privacy' yang tinggi



Gambar 6.26 : Café Taman Menekankan Ciri-Ciri Landskap Semulajadi.

i. Prospek

a. Café taman mempunyai **susun atur** yang terbuka bergantung kepada keluasan ruang yang dimiliki.

b. Gabungan elemen **landskap** seperti pokok-pokok tropika, arca, air pancutan menjadi kegemaran pelanggan untuk berkunjung ke café ini. Faktor 'privacy' juga menyebabkan café ini agak lebih dikenali.

c. **Reka bentuk** café kelihatan menarik dengan gabungan 'pavement' pelbagai corak di samping menampilkan imej café itu sendiri.

d. Ciri- ciri menarik

- Suasana semulajadi
- Keadaan tenang, romantik



Gambar 6.27 : Penggunaan Pokok Kelapa Sawit Menonjolkan Imej Tropika.



Gambar 6.28 : Keperluan Pokok bagi Mengurangkan Keadaan Panas.

ii. **Spesifikasi Café Taman (Garden Café) :-**

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) ▪ 1 petak motosikal: 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz minimum setiap café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Antara 2.8–3.8 meter persegi (9.5-12.6 kaki persegi)
Saiz ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 90.0 meter persegi (1000 kaki persegi)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bangku ▪ Lampu ▪ Papan tanda ▪ Laluan pejalan kaki ▪ 'Pavement' ▪ 'Bollard' ▪ Elemen air
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 'Majestic palm' ▪ Pokok Kelapa sawit ▪ Pokok pinang ▪ 'Heliconia' ▪ 'Ixora sunkist' ▪ Bunga kertas

Rajah 6.26: Pelan Kedudukan Café Taman




Gambar 6.29 : Gabungan Pelbagai Pokok Tropika Mewujudkan Suasana Tenang dan Harmoni.

Rajah 6.27 : Keratan Rentas Café Taman.



6.3.12 'Café Food Court'

'Food Court Café' ialah gabungan beberapa café yang menjual pelbagai makanan dan minuman. Selalunya café jenis ini terletak di bawah satu bumbung atau di dalam bangunan komersil. Reka bentuk bangunan adalah terbuka bagi menambah keselesaan. Pelbagai kemudahan sokongan diperlukan seperti payung serta penggunaan lampu yang menarik bagi menghidupkan suasana malam.



Gambar 6.30 : Gabungan Beberapa Buah Café Dikenali sebagai Food Court.

i. **Prospek**

a. Konsep café ini adalah 'free standing café'. Kebiasaannya terletak di atas rizab pejalan kaki yang luas.

b. **Reka bentuk** café ini berbentuk mudah alih iaitu terdapat ruang terbuka di bahagian café supaya boleh didirikan payung/kanopi pada waktu siang dan malam.



Gambar 6.31 : 'Food Court' Menjual Pelbagai Jenis Makanan.

c. **Susun atur** café ini hendaklah tidak menghalang laluan pejalan kaki serta memudahkan pelanggan lalu lalang. 'Food Court Café' selalunya terletak di kompleks membeli belah ataupun pejabat.

d. **Ciri-ciri menarik**

- Suasana lebih ceria dan hidup.
- Terdapat beberapa buah café yang terkumpul dan pelbagai pilihan makanan dan minuman.

e. **Ciri-ciri Lain**

- Suasana meriah.
- Memerlukan pengurusan dan penyediaan alat kemudahan untuk menjaga taha kebersihan yang tinggi.


ii. Spesifikasi 'Café Food Court' :-

Keperluan tempat letak kereta:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak kereta : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi) ▪ 1 petak motosikal : 22.5 meter persegi (250 kaki persegi)
Saiz minimum ruang café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 360 meter persegi (4000 kaki persegi)
Kelebaran ruang diperlukan:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 6.0 meter (20 kaki)
Jarak antara café:-
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Minimum 3.0 meter (10 kaki)
Kemudahan Landskap:-
Landskap Kejur
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bangku ▪ Lampu ▪ Papan tanda ▪ Laluan pejalan kaki ▪ 'Pavement' ▪ 'Bollard'
Landskap Lembut
<ul style="list-style-type: none"> ▪ 'Majestic palm' ▪ Pokok Kelapa sawit ▪ Pokok teduhan seperti 'tecaoma', tapak kuda ▪ Pokok pinang.

Rajah 6.28 : Pelan Kedudukan 'Food Court Café'



Gambar 6.32 : Perspektif 'Food Court Café'



Gambar 6.33 : Lakaran 'Food Court Café'

6.4 Perancangan Tapak

Sebagai satu ruang perniagaan, café terbuka haruslah menitikberatkan pemilihan tapak yang berpotensi dan mampu memberi pulangan yang lumayan untuk memastikan perniagaan terus maju. Antara aspek-aspek yang perlu diperhatikan adalah:-

6.4.1 Lokasi Yang Strategik

Café terbuka sesuai dibina di lokasi yang strategik seperti di pertembungan antara beberapa jaringan kaki lima serta bangunan komersil dan bangunan pejabat kerana '*crowd puller*' seperti bank dan kompleks beli-belah yang wujud di situ merupakan potensi perniagaan bagi café terbuka.

Antara tempat tumpuan utama adalah:

- i. Zon-zon perniagaan termasuk kompleks, '*shopping street*', kawasan perbankan;
- ii. Terminal pengangkutan awam termasuk stesen LRT;
- iii. Hotel;
- iv. Lapang terbang;
- v. Taman Kejiranan serta kawasan pelancongan

6.4.2 Laluan Masuk

Jalan masuk yang banyak dan mudah bagi orang ramai tidak kira pejalan kaki, pemandu serta penunggang motosikal yang tidak memungkinkan kesesakan lalu lintas.

6.4.3 Elemen Semulajadi

Unsur semulajadi seperti sungai dan tasik merupakan satu aset yang berharga yang dapat meningkatkan nilai estetik suatu kawasan dan tempat. Dengan adanya elemen air sebagai tarikan, café terbuka dari jenis '*water-edge café*' dan '*promenade café*' dilihat sebagai suatu café yang berpotensi mendatangkan pulangan yang lumayan.



Gambar 6.34 : Penerapan Elemen Semulajadi dalam Taman Terbuka

6.4.4 Keluasan Tapak

Dari pemerhatian keluasan tapak adalah selaras dengan lebar bangunan setiap lot kedai iaitu 6.0m (20 kaki) dan ruang selebihnya adalah terhad dan secara tidak langsung tempat letak kereta turut terlibat. Kelebihan pada keluasan tapak menjadi *priority* kerana mendapat penggunaan ruang secara maksimum dan bebas di dalam sempadan yang telah ditetapkan.

6.4.5 Orientasi matahari

Orientasi peredaran matahari dapat membantu menentukan reka bentuk café yang baik. Café terbuka yang sangat panas adalah tidak selesa dan menyebabkan kurangnya pengunjung. Penggunaan payung, bidai (*blindings*) atau '*sun shield*' pada café terbuka adalah sebagai elemen menarik pengunjung. Oleh itu, reka bentuk café hendaklah menitikberatkan orientasi peredaran matahari untuk mengelak daripada mengalami masalah kepanasan ini.

Kelebihan utama café jenis lorong belakang (*backlane*) adalah mendapat teduhan yang maksimum kerana terletak antara bangunan. Begitu juga café jenis nodal dan café lorong.

6.5 Susun Atur Tapak

Rizab ini hendaklah diambil kira bagi mengelakkan kesesakan pada masa akan datang dengan memastikan perkara berikut dipatuhi :-

- i. Kemudahan café terbuka hendaklah dirancang secara bersepadu di dalam sistem pejalan kaki (*pedestrian walkways system*);
- ii. Sistem pejalan kaki ini hendaklah bersambung dengan bangunan perniagaan lain yang diperlukan secara berterusan oleh pejalan kaki (*pedestrian*);
- iii. Semua longkang hendaklah ditutup terutama bagi penggunaan *backlane* café untuk menambah nilai estetik dan ciri-ciri keselamatan;
- iv. Penyediaan kemudahan sokongan seperti kemudahan tandas awam, pondok telefon dan sebagainya mengikut tahap keperluannya dengan nisbah minimum 1:5;
- v. Penyediaan café terbuka hendaklah mengambilkira keperluan golongan kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak;
- vi. Perancangan tapak café terbuka hendaklah berdekatan dengan kemudahan pengangkutan awam, tempat letak kereta dan basikal. Kemudahan tempat letak kereta dan landskap boleh bertindak sebagai pemisah dan benteng keselamatan kepada pengunjung;

- vii. Pendinding dan kanopi hendaklah menyumbang kepada keindahan serta berfungsi untuk menarik perhatian dan keceriaan suasana khususnya kepada pejalan kaki; dan
- viii. Perubahan dan perincian sensitif yang berkaitan dengan persekitaran pejalan kaki hendaklah disediakan. Elemen tersebut hendaklah bersesuaian dengan nisbah skala manusia.

Setiap jenis café mempunyai susun atur yang tersendiri. Namun secara relatif, ruang pejalan kaki adalah hampir sama bagi setiap café.

6.6 Garis Panduan Reka Bentuk

Secara umumnya, café terbuka direka bentuk bersesuaian dengan jenis café sama ada jenis café sudut, teres, koridor, *'food court'* atau *'promenade'*.


Setiap reka bentuk mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi penggunaan kanopi, payung, kaunter bar, air pancutan dan sebagainya. Sebagai contoh, café daripada jenis koridor dan teres, kelihatan menarik dengan deretan payung sebagai teduhan dan bersesuaian dengan *'softscape'*. Penggunaan bumbung kanopi pada *'food court café'* menggambarkan peralihan zaman, bersesuaian dengan konsep café yang menonjolkan ciri-ciri kehidupan di bandar yang mengalami perubahan gaya hidup yang lebih maju.

Namun begitu, reka bentuk café boleh diambil dari konsep jualannya sendiri. Contohnya Italian café yang menghadirkan makanan Itali, cafénya akan kelihatan lebih bercirikan Itali. Begitu juga jika café yang berkonsepkan Bali, seharusnya menghadirkan barangan jualan yang berkaitan dengan Bali. Reka bentuk ruang café ini hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-


- i. Reka bentuk ruang cafe hendaklah dilengkapi dengan reka bentuk yang dapat mengindahkan pemandangan ruang pejalan kaki;
- ii. Perancangan kemudahan ini hendaklah menepati piawaian pejalan kaki yang menggalakkan keselamatan, menarik (*usable pedestrian circulation*) dan tidak memberi halangan kepada perhubungan antara bangunan dan sistem pejalan kaki;
- iii. Sistem pejalan kaki hendaklah *'pavement'*, sekurang-kurangnya 3.0m lebar (10 kaki) lebar;
- iv. Di mana sistemnya adalah sejajar dan berhampiran dengan lorong *'auto travel'*, sistem tersebut hendaklah *'raised path'* atau diasingkan dengan mengadakan halangan fizikal atau landskap. Sekiranya *'raised path'*, di penghujungnya hendaklah dilengkapi dengan *'curb ramps'*; dan

- v. Sistem pejalan kaki ini, hendaklah disediakan lampu jalan untuk kegunaan pada waktu malam.

Rajah 6.29 : Reka Bentuk Ruang Bagi Café Lorong



Rajah 6.30 : Reka Bentuk Ruang Bagi Café Sudut



Rajah 6.31 : Reka Bentuk Ruang Bagi Café Lorong Belakang



6.7 Garis Panduan Landskap

Landskap adalah penting bagi café terbuka untuk teduhan, hiasan dan menonjolkan imej sesuatu café tersebut. Ia juga berfungsi sebagai:-

- i. Zon Penghadang (*Buffer Zone*)
Ia bertujuan untuk menghalang bunyi bising dan bau asap terutama café terbuka yang terletak di pinggir jalan. Selain dari itu, untuk 'privacy' bagi individu yang menggunakan café terbuka.

ii. Zon Pembahagi

ia membahagikan antara café terbuka dengan kawasan dan ruang yang lain.



Gambar 6.35 : Café Terbuka dengan Jalan Pejalan Kaki.



Gambar 6.36 : Café Terbuka dengan Jalan Raya.



Gambar 6.37 Café Terbuka dengan Café Terbuka

Malahan landskap juga mampu mewujudkan suasana pada sesuatu café terbuka. Contohnya pokok-pokok landskap Tropika kelihatan eksklusif yang mana ia bersesuaian dengan iklim Malaysia. Konsep Tropika juga sangat berpadanan jika dibina pada café taman yang terdapat di kebanyakan resort dan hotel-hotel ternama. Contoh café terbuka yang mempunyai sedikit landskap Tropika adalah pada bahagian hadapan 'Emporium Grand Café' yang telah berjaya menonjolkan perasaannya tenang dan menarik pada café terbuka tersebut.



Gambar 6.38 : Café Terbuka Dilengkapi dengan Elemen Peneduh.

Landskap kejur seperti kerusi, tiang lampu, tangga, lantai, dan lain-lain hiasan patung dan air pancutan berkait rapat dengan 'softscape' sesuatu tempat itu. Seperti Gerbang Bali yang menyambut kedatangan pengunjung, air pancutan juga adalah salah satu tarikan pengunjung.

Pemilihan elemen-elemen landskap lembut juga hendaklah diambil perhatian. Penggunaan pokok palma tunggal banyak diketengahkan kerana ia melambangkan kehebatan dan kemegahan sesuatu café terbuka seperti 'Majestic Palm'. Pemilihan ini berdasarkan kriteria pokok yang hanya melibatkan penjagaan normal, selamat serta nilai estetik yang tinggi.

Antara jenis pokok-pokok yang dicadangkan ialah:-

- a. Pokok Kurma - Silara yang menarik;
- b. Pokok Pinang - Imej tropika yang tinggi;
- c. Pokok 'Travellers Palm' - Teduhan yang minimum;
- d. Pokok 'Royal Palm' - Palma tunggal lambang kemegahan;
- e. Pokok Tapak Kuda - Teduhan minimum;
- f. Pokok 'Tecoma' - Bunga yang menarik, komersial; dan
- g. 'Coral Tree' - Bunga yang menarik.



Gambar 6.39 : Pokok-Pokok Cadangan di Kawasan Café Terbuka.

Selain itu, penggunaan pokok semusim (*annual plant*), pokok hiasan dan pokok menjalar di dalam sesuatu landskap café terbuka juga penting. Ia dapat mewujudkan kesatuan dan harmoni dalam reka bentuk landskap sesuatu café terbuka dengan kepelbagaian warna dan bentuk. Biasanya pokok-pokok jenis ini ditanam di dalam pasu atau kotak penanaman. Contohnya di 'Secret Recipe', Bintang Walk.

Antara pokok bunga yang dicadangkan ialah:

- a. 'Calendula' (Marigold) – bunga yang menarik
- b. 'Lantana camara' – menjalar dan bunga yang cantik
- c. 'Petunia'
- d. 'Zinnia'
- e. 'Celosia'



'Petunia'



'Zinnia'



'Calendula' (marigold)



'Lantana camara'



'Celosia'

Gambar 6.40 : Pokok-Pokok Bunga Cadangan di Kawasan Café Terbuka.

Kesimpulannya, reka bentuk landskap lembut dan kejur ini dapat membangkitkan 'mood' dan tarikan orang ramai untuk memenuhi ruang café terbuka ini. Sebuah café terbuka yang baik mampu membangkitkan suasana atau 'mood' para pengunjung tidak kira 'mood' romantik, ceria, kasual dan sebagainya.

Digalakkan penggunaan lampu-lampu kecil sebagai elemen pencahayaan untuk menimbulkan suasana yang menarik di waktu malam. Kerusi meja perlu menonjolkan reka bentuk dengan tema tertentu dan perlulah bersesuaian dengan fungsi café terbuka. Penggunaan payung yang seragam agak ianya selaras dengan tema café terbuka.



Gambar 6.41 : Penggunaan Payung Yang Seragam dan Selaras Dengan Tema Café Terbuka.



Gambar 6.42 : Reka bentuk Café-Terbuka Yang Dilengkapi Dengan Lampu Dan Ornamenat Lain Sebagai Elemen Pencahayaan Di Waktu Malam.

6.8 Garis Panduan Infrastruktur

Keperluan infrastruktur seperti bekalan elektrik mestilah mencukupi dan diletak di tempat yang bersesuaian bagi mengelak pemandangan yang kurang menarik.

Perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:-

- i. Kanopi hendaklah disediakan untuk memberi teduhan;
- ii. Kanopi hendaklah mempunyai bentuk yang sesuai dan selari dengan saiz pembukaan (bahagian 'frontage') cafenya; di dalam kawasan kompleks perniagaan, (kanopi tidak diperlukan.)
- iii. Kemudahan kerusi dan meja sahaja disediakan;
 - a. kerusi dan meja hendaklah berbentuk ringkas dan bersaiz kecil cukup untuk memuatkan 2 hingga 4 orang pelanggan sahaja serta mudah alih.
- iv. Kemudahan awam berikut hendaklah disediakan secara terancang.
 - a. Telefon;
 - b. Tempat berteduh;
 - c. Tanda/Tunjuk arah;
 - d. Papan iklan; dan
 - e. Lampu awam – Lampu pencahayaan hendaklah direka bentuk berasingan daripada lampu hiasan.
- v. Segala rupa bentuk bangunan/ perkakas café terbuka hendaklah merupakan bangunan sementara kecuali binaan-binaan untuk kemudahan awam lain tertakluk kepada kebenaran dari Pihak Berkuasa Tempatan.
- vi. Mengadakan tempat pembuangan sampah yang teratur.



Pokok Berpasu Menyembunyikan Kecacatan Struktur.



Kerusi Pelbagai Reka Bentuk dan Tema.



Perletakan Papan Menu Bagi Mempromosikan Makanan Café untuk Menarik Pelanggan.

Gambar 6.43 : Reka Bentuk Sekitar di Kawasan Café Terbuka

Di samping itu, keperluan infrastruktur seperti bekalan elektrik mestilah mencukupi dan diletakkan di tempat yang bersesuaian bagi mengelak pemandangan yang kurang menarik. Perabot jalan yang diperlukan ialah :-

- i. 'Bollard' bagi mengawal kenderaan melalui ruang pejalan kaki;
- ii. Penyediaan tong sampah;
- iii. Lampu sama ada lampu jalan atau untuk tujuan estetik;
- iv. Pokok bunga berpasu-bagi ruang café yang terhad;
- v. Sistem perparitan yang sempurna;
- vi. Kemudahan bekalan air; dan
- vii. Papan tanda sebagai panduan dan menunjukkan imej café .

Keperluan untuk pili bomba adalah seperti berikut :


- i. Setiap bangunan perlu menyediakan sekurang-kurangnya satu pili bomba yang diletakkan di tengah-tengah lebar bangunan dan 90 meter (300 kaki) dari akses terhampir bagi laluan kereta bomba;
- ii. Untuk rumah kedai, saiz bangunan yang dibenarkan iaitu 100 meter (320 kaki) perlu disediakan 2 unit pili bomba di kedua-dua hujung bangunan atau jarak antara pili iaitu 90 meter.



Gambar 6.44 : Komponen yang Terdapat di Sekitar Café Terbuka


Kegunaan ruang untuk 'outside café' tidak boleh mengganggu kemudahan pili bomba yang ada di kawasan itu dan hendaklah mengikut piawaian berikut :

- i. Jauh dari sebarang halangan seperti perabot jalan iaitu kerusi, bangku, telefon dan sebagainya;
- ii. Tidak kurang daripada 2,000 mm dari sempadan bangunan dan 'overhangs';
- iii. Di antara 610 mm ke 2,400 mm dari 'Fire Appliance Access';
- iv. Jauh dari risiko kemalangan kenderaan;
- v. Tidak lebih daripada 90 meter jarak antara satu sama lain (dalam sempadan bangunan baru ke pembangunan sedia ada, pili bomba perlu disediakan sekiranya tiada pili di jarak radius 45 meter dari bangunan baru).




7.0 GARIS PANDUAN KHUSUS


Jadual 7.1 : Reka Bentuk dan Susun Atur Café Sudut

Jenis Café Terbuka	Lokasi Binaan Café	Jenis Binaan Cafe	Ciri Reka Bentuk dan Susun Atur	Catatan dan Komen	Gambaran Perancangan Susun Atur Café
Café Sudut	Pada bahagian sudut bangunan (rumah kedai, bangunan komersil, hotel atau bangunan pejabat).	Binaan tunggal (Free standing)	<p>Alternatif 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Dibina dengan binaan struktur seperti kanopi dan lain-lain struktur teduhan. Perletakan disudut bangunan hendaklah mengekalkan tambahan 2.1m (7') lebar 'veranda'way' untuk tujuan penyeenggaraan kejuruteraan. Laluan pejalan kaki pada koridor bangunan dkekalkan sekurang-kurangnya 3.0m (10'). Laluan pejalan kaki antara (2.3m-3.0m lebar) 7.5-10' lebar. Juga sepanjang bahu jalan disediakan sekurang-kurangnya 1.5m (5') untuk jaringan hijau iaitu pokok-pokok sebagai zon penampakan. Dilengkap dengan elemen pencahayaan seperti lampu kecil. Menyediakan payung, kerusi dan meja dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan tema cafe tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> Digalakkan pembinaan tandas awam dalam lingkungan cafe terbuka jenis binaan tunggal. Laluan pejalan kaki pada koridor bangunan tidak boleh diganggu. 	 <p>2.1m (7') 'veranda'way'</p> <ul style="list-style-type: none"> Bangunan/ rumah kedai Café terbuka Laluan pejalan kaki

Sambungan

Jenis Café Terbuka	Lokasi Binaan Café	Jenis Binaan Cafe	Ciri Reka Bentuk dan Susun Atur	Catatan dan Komen	Gambaran Perancangan Susun Atur Café
		Anjakan dari bangunan	<p>Alternatif 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ruang anjakan pada koridor 3.0m (10') cukup dengan sekadar meletakkan sederet kerusi meja café, dan menyediakan sekurang-kurangnya 1.5m (5') lebar aluan pejalan kaki pada koridor bangunan. • Perletakan meja sajian di dalam koridor bangunan adalah rapat pada dinding bangunan untuk memudahkan kerja sajian oleh pelayan café. • Lalan pejalan kaki pada bahu jalan dkekalkan pada 3.0m (10') lebar dengan sekurang-kurangnya 1.5m (5') bagi tanaman zon penampian. • Dilengkapi dengan elemen pencahayaan seperti lampu kaki. • Menyediakan payung, kerusi dan meja dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan tema cafe tersebut. 		 <p>Rumah Kedai</p> <p>Susunan meja</p> <p>'Walkway' pada koridor bangunan 3.0m (10')</p> <p> Bangunan/ rumah kedai Café terbuka ▶ Lalan pejalan kaki </p>


Jadual 7.2 : Reka Bentuk dan Susun Atur Nodal Cafe

Jenis Cafe Terbuka	Lokasi Binaan Cafe	Jenis Binaan Cafe	Ciri Reka Bentuk dan Susun Atur	Catatan dan Komen	Gambaran Perancangan Susun Atur Cafe
